

Zahid saman Dr Mahathir

Presiden UMNO dakwa difitnah minta campur tangan selesai kes mahkamah

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi memfailkan saman fitnah terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung dakwaan beliau menggunakan kedudukannya bagi mempengaruhi bekas Perdana Menteri itu untuk mencampuri urusan perbicaraan kes jenayah di mahkamah. Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Presiden UMNO itu selaku plaintif, memfailkan saman menerusi Tetuan Shahrul Hamidi & Haziq di Mahkamah Tinggi di sini pada 20 April lalu, dengan menamakan Dr Mahathir sebagai defendan.

Berdasarkan pernyataan tuntutan dalam sistem mahkamah, bekas Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada 19 Oktober 2018 atas 12 pertuduhan pecah amanah, lapan pertuduhan rasuah dan 27 pertuduhan pengubahan wang haram.

Semua pertuduhan kini dibicarakan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Ahmad Zahid mendakwa Dr Mahathir mengeluarkan kenyataan fitnah dengan niat jahat terhadapnya pada Majlis Pelancaran Aspirasi Parti Pejuang Tanah Air

(PEJUANG) sempena Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor ke-15 di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya pada 23 Februari lalu.

“Pada hari sama juga, rakaman video mengenai kenyataan fitnah pada majlis itu diterbitkan semula secara langsung di akaun YouTube Astro AWANI dikendalikan oleh portal berita dalam talian popular, iaitu Astro AWANI berdurasi 56 minit dan 46 saat yang boleh diakses melalui internet,” katanya.

Menurut plaintif, setakat tarikh writ saman dan pernyataan tuntutan itu difailkan, rakaman video majlis itu mendapat jumlah tontonan sebanyak 23,443 dan akaun Youtube Astro AWANI mempunyai 1.44 juta pelanggan.

Rakaman video itu juga dilaporkan secara meluas melalui pelbagai medium media sosial, iaitu akaun YouTube ‘MalaysiaGazette TV’, Facebook profil Astro AWANI dan akaun TikTok ‘MalaysiaGazette TV’.

Ahli Parlimen Bagan Datuk itu mendakwa kenyataan fitnah berkenaan antaranya membawa maksud beliau menggunakan jalan pintas untuk menyelesaikan dan menangguhkan perbicaraan kes jenayahnya yang masih berjalan.

Beliau juga mendakwa difitnah menggunakan kedudukannya untuk mempengaruhi Perdana Menteri bagi mencampuri urusan perbicaraan jenayah dan mencampuri penyiasatan yang dijalankan oleh agensi penguatkuasaan terhadapnya.

“Kenyataan itu juga membawa maksud saya seorang yang bermuka-muka dan tidak boleh dipercayai. Setiap tindakan saya disyaki dan diragui ketelusannya

Kenyataan itu juga membawa maksud saya seorang yang bermuka-muka dan tidak boleh dipercayai. Setiap tindakan saya disyaki dan diragui ketelusannya serta cuba mencampuri sistem kehakiman negara

Ahmad Zahid Hamidi,
Presiden UMNO



serta cuba mencampuri sistem kehakiman negara,” katanya.

Ahmad Zahid menegaskan, kenyataan fitnah itu memburukkan dan merosakkan reputasi serta nama baiknya, selain menjatuhkan, merendahkan maruah serta kredibilitinya selaku Pengerusi BN dan Presiden UMNO.

“Kenyataan fitnah itu jelas dikeluarkan dengan niat jahat sebagai alat untuk mempengaruhi dan memberikan reputasi buruk serta negatif kepada saya selaku pemimpin tertinggi parti BN,” katanya menambah ia secara tidak langsung memberi imej buruk kepada BN yang bertanding PRN Johor.

Beliau turut memfailkan notis permohonan *inter-parte* (kedua-dua pihak) untuk perintah injuksi interim supaya defendan, sama ada secara diri sendiri, pegawai, pembantu, ejen, pekerja dan wakilnya untuk menarik balik kenyataan fitnah itu.

Ia juga bagi menghalang mereka menerbitkan, mengedarkan atau menyebarkan kenyataan itu atau kenyataan fitnah serupa di mana-mana platform media sosial, termasuk Facebook, Instagram,

Twitter dan WhatsApp.

Turut dimohon, perintah injuksi interim bagi mengarahkan defendan memadam, menyunting dan menghentikan perbitan sebahagian rakaman video majlis itu yang mengandungi kenyataan memfitnah dalam portal berita dalam talian dan sosial media di Youtube dan Facebook Astro AWANI serta Youtube dan Tiktok ‘MalaysiaGazette TV’.

Plaintif juga memohon perintah sama bagi mengarahkan defendan menulis kepada mana-mana penerbit, penyunting, pengendali dan pemilik portal berita dalam talian atau platform media sosial yang menerbitkan kenyataan fitnah itu supaya memadam dan menghentikan perbitan kenyataan berkenaan.

Peguam, Shahrul Fazli Kamarulzaman berkata, mahkamah menerusi pengurusan kes di depan Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi, Nor Afidah Idris semalam, menetapkan 17 Jun ini bagi pendengaran permohonan *inter-parte* di depan Hakim Datuk Rozana Ali Yusoff yang berlangsung secara dalam talian.